



DR. MAHATHIR MOHAMAD dan Dr. Ismail Bakar hadir dalam majlis perjumpaan Pegawai-Pegawai Kerajaan Bersama Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. - BERNAMA

PM ulangi Zakir Naik tidak dihantar pulang

Oleh YULPISMAN ASLI
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 22 OGOS

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa beliau tetap dengan pendiriannya bahawa penceramah bebas, Dr. Zakir Naik tidak akan dihantar pulang ke India.

"Buat masa ini, tiada perubahan (pendirian)," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bersama 1,500 pegawai kerajaan gred 41 hingga 48 di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada tetap

dengan pendiriannya sebelum ini untuk tidak menghantar pulang Dr. Zakir.

Awal bulan lalu, Dr. Mahathir dilaporkan berkata, kerajaan tidak akan menghantar pulang penceramah antarabangsa itu sekiranya beliau tidak membuat sebarang masalah.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, Zakir juga tidak akan dihantar pulang kerana sudah diberikan taraf penduduk tetap negara ini.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador dilaporkan berkata, Zakir tidak dibenar memberi ceramah

di semua medium, termasuk dalam media sosial.

Beliau berkata, larangan memberi ceramah di seluruh negara itu terpakai sehingga siasatan polis selesai.

Larangan itu berikutan laporan polis berhubung dakwaan beliau menimbulkan ketegangan antara kaum di negara ini berikutan ceramahnya di Kelantan.

Berikutan itu, Zakir telah dipanggil tiga kali ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk diambil keterangan dan turut memohon maaf dengan menafikan dakwaan beliau cuba mencetuskan ketegangan kaum di negara ini.